

**NO SOALAN :63****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)****PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah memperkenalkan kad kredit 6-digit berjaya dilaksanakan bagi mengelakkan penipuan dan kad tiruan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan negara pertama di rantau Asia Pasifik yang berpindah kepada kad berasaskan cip pada tahun 2005. Perpindahan kepada piawaian cip antarabangsa ('*Europay, Mastercard and Visa*' atau 'EMV') pada skala industri telah membanteras kes penipuan kad palsu ('*counterfeit card fraud*') di Malaysia dan seterusnya meningkatkan keyakinan orang

awam dan pelancong terhadap penggunaan kad pembayaran di Malaysia.

Perpindahan kepada kad pembayaran berasaskan *PIN (PIN & Pay)* merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan lagi keselamatan infrastruktur kad pembayaran. Tambahan pula, pengesahan menggunakan tandatangan sebelum ini adalah tidak sekuat pengesahan menggunakan *PIN*. Ini adalah kerana kebanyakan peniaga tidak menyemak tandatangan pemegang kad dengan tandatangan di belakang kad pembayaran apabila transaksi dilakukan di terminal POS (*point-of-sale terminal*). Oleh yang demikian, penipuan di terminal POS boleh dielakkan dengan pelaksanaan *PIN & Pay*. Ini juga akan membantu mengurangkan tahap penipuan di Malaysia.

Pelaksanaan *PIN & Pay* telah berjalan dengan lancar pada peringkat nasional. Setakat akhir bulan Jun 2017, kira-kira 23 juta kad pembayaran, iaitu sebanyak 97 peratus daripada jumlah kad pembayaran di Malaysia telah digantikan dengan kad bercirikan *PIN*. Di samping itu, semua terminal POS di Malaysia termasuk terminal POS di stesen minyak juga telah dinaik taraf bagi menyokong penggunaan *PIN*. Pada bulan Jun 2017, 97.25 peratus daripada

jumlah transaksi kad pembayaran di Malaysia disahkan dengan menggunakan *PIN* dengan hanya 2.75 peratus transaksi sahaja yang disahkan secara tanda tangan. Mulai 1 Julai 2017, semua transaksi kad pembayaran tempatan di terminal POS wajib disahkan menggunakan *PIN*.